

SUBANG JAYA: Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi membentuk hubungan strategik kedua belah pihak dalam sembilan bidang utama yang dikenal pasti.

Bidang utama itu termasuk Khidmat Komuniti, Alam Sekitar, Kejuruteraan, Perbandaran Lestari, Sumber Maklumat, Bandar Selamat, Pembangunan Modal Insan, Perkhidmatan Perbandaran dan Peningkatan Persekitaran.

Yang Dipertua MPSJ, Datuk Adnan Md Ikhsan berkata, pihaknya berharap usaha ini menghasilkan kebaikan kepada semua pihak dalam keadaan menang-menang kerana UPM diketahui mempunyai banyak tenaga pakar yang boleh dimanfaatkan dalam program yang sudah dirancang.

MPSJ, UPM bentuk kerjasama strategik



“MPSJ melaksanakan pelbagai Program Perkongsian Bestari seperti ini sebagai usaha mewujudkan gabungan tenaga dan kepakaran yang lebih berkesan”

Adnan Md Ikhsan
Yang Dipertua MPSJ

“Melalui program kerjasama diterajui Fakulti Perhutanan UPM ini, ada beberapa program yang dirancang sudah boleh dilaksanakan serta merta seperti penempatan pelajar UPM ke MPSJ untuk latihan industri dan program pem-

angunan tenaga bio.

“Antara program lain yang dipersetujui untuk dilaksanakan dalam masa terdekat ini termasuk pembangunan taman rekreasi di tasik dan bekas lombong, program penilaian pokok bandar dan



“MoU itu membolehkan MPSJ memberikan maklumat dan bekerjasama dengan UPM bagi memastikan tujuan perjanjian ini dapat dilaksanakan dengan sempurna”

Dr Tai Shzee Yew
Timbalan Naib Canselor UPM

sambutan hari perhutanan sedunia,” katanya dalam sidang media selepas menandatangani MoU berkenaan, di sini.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor UPM, Prof Dr Tai Shzee Yew yang mewakili

Naib Canselor UPM.

Adnan berkata, sejak 2007, MPSJ sudah melaksanakan pelbagai Program Perkongsian Bestari seperti ini sebagai usaha bagi mewujudkan gabungan tenaga dan kepakaran yang lebih berkesan ber-

sama rakan strategiknya.

“Sehingga tahun lalu, 85 Program Perkongsian Bestari dilaksanakan bersama 103 agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang berjaya memberi manfaat besar kepada rakyat secara keseluruhannya,” katanya.

Sementara itu, Dr Tai berkata, MoU itu membolehkan MPSJ memberikan maklumat dan bekerjasama dengan UPM bagi memastikan tujuan perjanjian ini dapat dilaksanakan dengan sempurna.

“Sebelum ini, kerjasama MPSJ dan UPM banyak tertumpu di Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong dan selepas ini, UPM harap dapat terbabit dengan lebih banyak aktiviti pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan profesional untuk dimanfaatkan demi pembangunan komuniti di kawasan pentadbiran MPSJ khususnya,” katanya.